

08/04/1997

Sikap `hidung tinggi' harus dikikis

Pemerhati Wanita

TAHNIAH kepada semua yang dilantik sebagai Ahli Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan (NACIWID) yang baru diumumkan oleh Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Zaleha Ismail.

Tugas NACIWID adalah untuk menjadi panel penasihat kepada kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan swasta, dan akan mengadakan mesyuarat hanya sekurang-kurangnya empat kali setahun.

Kelihatannya, mesyuarat pertama sudahpun berakhir minggu lalu dengan agendanya sekadar membentuk tujuh buah jawatankuasa yang sudah diberi tugas masing-masing.

Tetapi apa yang menarik perhatian saya ialah pembentukan NACIWID itu sendiri, sebagai badan penasihat terutama dalam hal-hal membabitkan wanita. Apa yang dapat dilakukan dalam pertemuan sekadar empat kali?

Pertemuan pertama sudahpun berakhir dan ia hanya dapat membentuk tujuh jawatankuasa. Tetapi jika dilihat semula jawatankuasanya saya berasa agak pelik dan mula tertanya-tanya apa sebenarnya fungsi NACIWID ini.

Contohnya pembentukan jawatankuasa isu-isu sosial membabitkan masalah remaja sehinggalah kepada pengabaian ke atas warga tua - sedangkan negara ini sudah mempunyai pelbagai jawatankuasa menangani masalah itu sehinggalah di peringkat nasional yang dipengerusikan sendiri oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Jawatankuasa lain seperti Aids yang dipengerusikan oleh Datin Paduka Marina Mahathir sebenarnya tidak perlu, kerana Marina adalah orang kuat kepada aktiviti menghadapi masalah Aids dan HIV.

Marina tidak memerlukan sebuah badan penasihat yang dipengerusikannya sendiri, kerana dia adalah orang terbaik untuk melaksanakan semua aktiviti bagi pesakit termasuk wanita yang menghadapi masalah itu. Jawatankuasa ini hanya bertindih dengan jawatannya sebagai Pengerusi Yayasan Aids Malaysia dan Presiden Majlis Aids Malaysia.

Sebagai antara segelintir wanita muda yang berada di dalam jawatankuasa yang hampir dikuasai oleh orang veteran, kekuatan dan ketabahan Marina perlu disalurkan kepada agenda lain yang boleh membantu meningkatkan kewibawaan wanita. Contoh, isu pendidikan (bukan sekadar di peringkat persekolahan) yang langsung tidak diberi tumpuan.

Selepas kehambaran prestasi NACIWID pada masa lalu, saya yakin ahli-ahli yang dilantik bagi Penggal Ketujuh ini tidak mahu nama baik mereka terpalit lumpur. Oleh kerana itu mereka perlu bertindak lebih agresif dan mengemukakan idea bernas, tetapi memastikan ia dilaksanakan dengan sempurna.

Cadangan untuk menjadi badan penasihat langsung kepada Unit Hal Ehwat Wanita (Hawa) adalah terpuji, tetapi ahli NACIWID perlu ditempatkan di dalam jawatankuasa pelaksana Hawa bagi memastikan setiap cadangan yang dibuat, dilaksanakan dengan sempurna.

Tidak ada guna sekiranya sekadar bercakap untuk saling melengkapi, sekiranya Hawa dibebani dengan pelbagai tugas untuk membantu wanita, ahli NACIWID datang bercekek pinggang memberi arahan.

Sikap `hidung tinggi' beberapa ahli yang kelihatan terbawa-bawa hingga ke jawatankuasa untuk membantu wanita ini, perlu dikikis bagi memastikan tiada perasaan sakit hati atau umpat mengumpat berlaku selepas semua kerja selesai. Kita tidak mahu NACIWID terus diibaratkan seperti `rumah sudah siap, tetapi pahat terus berbunyi'.

(END)